

KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 24 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: A3

PEMIKIRAN SEMPIT MENGHALANG PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR

[KUALA LUMPUR]: Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia mengatakan kebanyakan peserta bandar pintar berfikir sempit untuk menyertai pelan bandar pintar ini. Ia akan mengganggu perkembangan bandar pintar secara keseluruhan. Bagi mengatasi masalah tersebut, KPKT telah menganjurkan Rangka Kerja Bandar Pintar dan rangka ini mengandungi kesemua tiga peringkat kerajaan dan pembabitan sektor swasta untuk menyelaraskan pembangunan bandar pintar di Malaysia. Beliau berkata pembentukan bandar Malaysia sebagai bandar pintar juga merupakan agenda utama Rancangan Malaysia Ke-12.

Pelancaran bandar pintar akan menimbulkan pelbagai cabaran dan masalah yakni kebolehan capaian kelajuan Internet. Masalah ini telah berlaku selama 30 tahun dan ia merupakan masalah berterusan. Perkembangan bandar pintar juga berjalan seiring dengan perubahan sains dan teknologi. Oleh yang demikian, kerajaan akan memastikan pembangunan teknikal secara berterusan seperti sambungan 5G, komuniti tanpa tunai, pengangkutan awam yang efisien, penghantaran dron, bangunan cekap tenaga, rawatan air dan pengurusan sampah pintar yang akan diintegrasikan dengan teknologi mampan dalam perkhidmatan bandar untuk menambah baik keselamatan awam dan kualiti hidup rakyat negara ini.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN